



## **SIARAN MEDIA**

### **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

#### **“BAYARAN PINJAMAN PTPTN SEMESTER KEDUA SESI 2016/ 2017”**

1. Bayaran kepada pelajar di Universiti Awam (UA) bagi Semester Kedua sesi 2016/2017 akan dibuat **sekiranya PTPTN menerima pengesahan status pengajian pelajar pada tarikh yang ditetapkan**. Jadual bayaran yang ditetapkan merangkumi dua (2) kelompok iaitu :
  - i) **Kelompok pertama :**  
Pengesahan status pengajian pelajar dikemukakan pada 14 Januari 2017 maka bayaran akan dikreditkan ke akaun pelajar mulai 24 Januari 2017; dan
  - ii) **Kelompok kedua :**  
Pengesahan status pengajian pelajar dikemukakan pada 28 Januari 2017 maka bayaran akan dikreditkan ke akaun pelajar mulai 7 Februari 2017.
2. Walau bagaimanapun, terdapat 11 UA iaitu USM, UPM, USIM, UMT, UTM Space, UMS, UTEM, UPNM, UMP, UMK dan UNIMAS tidak dapat mengemukakan pengesahan bagi status pengajian pelajar berdasarkan jadual yang ditetapkan.
3. Daripada 11 UA yang terlibat, PTPTN telah menerima pengesahan status pengajian pelajar daripada **enam (6) UA iaitu USM, UPM, UMT, UNIMAS, UTEM dan UMK** dalam tempoh 1 Februari hingga 7 Februari 2017 dan pelajar di UA berkenaan akan **menerima bayaran mulai 24 Februari 2017**.

3. Selain itu, bayaran kepada pelajar di lima (5) UA iaitu **USIM, UTM Space, UMS, UMP dan UPNM** tidak dapat diproses oleh PTPTN sehingga PTPTN menerima **pengesahan status pengajian pelajar daripada UA** berkenaan.
4. Sekiranya UA terlibat dapat mengemukakan **pengesahan status pelajar sebelum atau pada 14 Februari 2017**, bayaran akan dikreditkan ke akaun pelajar mulai **24 Februari 2017**. Manakala bagi pengesahan status pengajian pelajar yang diterima selepas **14 Februari 2017 hingga 26 Februari 2017**, bayaran akan dikreditkan ke akaun pelajar mulai **7 Mac 2017**.
5. Para pelajar boleh membuat **semakan dari semasa ke semasa berkaitan tarikh penerimaan status pengajian pelajar dan tarikh bayaran yang terkini** melalui portal rasmi **www.ptptn.gov.my**.